

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Kempen “CIMB OCTO App RAYA”**

Tempoh Kempen

1. Kempen “CIMB OCTO App RAYA” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.
2. Kempen akan bermula pada **18^{hb} Mac 2024 jam 00:01 (GMT+8)** dan berakhir pada **17^{hb} Mei 2024 jam 23:59 (GMT+8)**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”). Tempoh Kempen dibahagikan lagi kepada dua (2) Kitaran Kempen (“**Kitaran Kempen**”) seperti di bawah:

| Kitaran Kempen | Tempoh Transaksi |
|------------------|---|
| Kitaran Kempen 1 | 18 ^{hb} Mac 2024 – 17 ^{hb} April 2024 |
| Kitaran Kempen 2 | 18 ^{hb} April 2024 – 17 ^{hb} Mei 2024 |

3. CIMB merizabkan hak memberikan notis terdahulu yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatkan Tempoh Kempen dan/atau Kitaran Kempen (*mana-mana yang terpakai*).

Kelayakan

4. Semua pelanggan CIMB aktif baharu dan sedia ada akan layak untuk menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”).
5. Kategori orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini: -
 - a. Kakitangan atau pekerja CIMB tetap, kontrak dan/atau sementara (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitannya) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/ atau
 - b. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, vendor pihak ketiga dan penyedia perkhidmatan) CIMB (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, kontrak dan/atau sementara mereka dan ahli-ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja sedemikian; dan/atau
 - c. Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti yang mungkin ditentukan oleh CIMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi amal/bukan keuntungan, persatuan, dan perkongsian profesional; dan/atau
 - d. Pelanggan yang telah diisyiharkan sebagai bankrap atau telah digulung atau sebaliknya yang mempunyai prosiding perundangan dalam apa juu bentuk yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
 - e. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
6. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak jatuh dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiiah

7. Hadiiah berikut akan disediakan kepada pemenang Kempen ini: -

| Kategori Hadiah | Huraian Hadiah | Jumlah Bilangan Pemenang |
|-----------------|----------------------------|---|
| Hadiyah Aluan | Pulangan Tunai RM2 | 20,000 pemenang <i>[iaitu 10,000 Pemenang setiap Kitaran Kempen]</i> |
| Hadiyah Ke-3 | Hadiyah Wang Tunai RM500 | 80 pemenang <i>[iaitu 40 Pemenang setiap Kitaran Kempen]</i> |
| Hadiyah Ke-2 | Hadiyah Wang Tunai RM1,000 | 30 pemenang <i>[iaitu 15 Pemenang setiap Kitaran Kempen]</i> |
| Hadiyah Utama | Hadiyah Wang Tunai RM2,000 | 10 pemenang <i>[iaitu 5 Pemenang setiap Kitaran Kempen]</i> |

Hadiyah Aluan, Hadiyah Ke-3, Hadiyah Ke-2 dan Hadiyah Utama hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Hadiiah**” dan hendaklah dipenuhi oleh CIMB dalam cara yang dinyatakan dalam Terma-Terma-Syarat-Syarat ini.

8. Setiap Peserta Layak layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah Aluan **dan** satu (1) Hadiah Ke-3 atau satu (1) Hadiah Ke-2 atau satu (1) Hadiah Utama sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

Mekanik Kempen & Kriteria Penyertaan

9. **Hadiah Aluan:**

Untuk berpeluang memenangi Hadiah Aluan yang dirujuk dalam **Klausula 7** di atas, Peserta Layak mesti memenuhi kriteria penyertaan berikut semasa Tempoh Kempen mengikut cara yang dinyatakan di bawah: -

| Kriteria Penyertaan |
|---|
| Peserta Layak hendaklah: - <ul style="list-style-type: none"> a. berjaya muat turun dan log masuk ke App Mudah Alih CIMB OCTO untuk kali pertama, DAN b. lakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi Layak (selepas ini ditakrifkan dalam Klausula 11 di bawah) dengan nilai minimum RM10 melalui App Mudah Alih CIMB OCTO |

(secara kolektif dirujuk sebagai "**Kriteria Penyertaan Hadiah Aluan**")

10. **Hadiah Ke-3, Hadiah Ke-2, dan Hadiah Utama:**

Untuk berpeluang memenangi Hadiah Ke-3 atau Hadiah Ke-2 atau Hadiah Utama yang dirujuk dalam **Klausula 7** di atas, Peserta Layak boleh memperoleh penyertaan ("**Penyertaan**") dengan memenuhi kriteria penyertaan berikut semasa Tempoh Kempen: -

| Kriteria Penyertaan | Penyertaan Diperolehi |
|--|--|
| Berjaya daftarkan satu ID CIMB Clicks baharu dan muat turun serta log masuk ke App Mudah Alih CIMB OCTO. | 10 Penyertaan |
| Lakukan satu (1) Transaksi Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11 di bawah) dengan nilai minimum RM10 melalui App Mudah Alih CIMB OCTO. | 1 Penyertaan diperolehi setiap Transaksi Layak |
| Simpankan Transaksi Layak yang melibatkan Pemindahan DuitNow, JomPAY dan/atau Tambah Nilai (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11 di bawah) dengan ciri 'Save as Favourite' pada App Mudah Alih CIMB OCTO. | 1 Penyertaan diperolehi setiap Transaksi Layak |

11. Untuk tujuan Kempen ini, "**Transaksi Layak**" hendaklah bermaksud: -

| Transaksi Layak | Huraian |
|--------------------|--|
| DuitNow QR | <ul style="list-style-type: none"> a) Pembayaran yang berjaya kepada peniaga tempatan/luar negara yang mengambil bahagian dalam QR DuitNow melalui fungsi 'DuitNow QR' dalam App Mudah Alih CIMB OCTO yang mesti dipautkan kepada mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 12 di bawah); ATAU b) Pemindahan dana yang berjaya kepada penerima QR DuitNow melalui fungsi 'DuitNow QR' dalam App Mudah Alih CIMB OCTO yang mesti dipautkan kepada mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 12 di bawah). |
| Pemindahan DuitNow | Pemindahan dana DuitNow yang berjaya (yang ditag dengan tag "Duit Raya") melalui fungsi 'Transfer' dalam App Mudah Alih CIMB OCTO yang mesti dipautkan kepada mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 12 di bawah). |
| JomPAY | Pembayaran yang berjaya untuk sebarang bil atau invois Pengebil JomPAY melalui fungsi 'JomPAY' dalam App Mudah Alih CIMB OCTO yang mesti dipautkan kepada mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 12 di bawah). |
| Tambah Nilai | Transaksi tambah nilai prabayar yang berjaya yang dilakukan melalui fungsi 'Top Up' dalam App Mudah Alih CIMB OCTO yang mesti dipautkan kepada mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 12 di bawah). |

| | |
|-----|---|
| FPX | Pembayaran yang berjaya untuk mana-mana peniaga FPX melalui FPX melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 12 di bawah). |
|-----|---|

12. Semua Transaksi Layak hendaklah dilakukan dengan menggunakan dana dari mana-mana akaun simpanan CIMB/-i, akaun semasa CIMB/-i atau akaun kad kredit CIMB/-i Peserta Layak yang didaftarkan dengan CIMB untuk tujuan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks (“**Akaun Penyertaan**”) sahaja.
13. Penjejakkan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
14. Penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Layak semasa Kitaran Kempen tertentu hanya akan sah untuk Kitaran Kempen tersebut dan tidak boleh dibawa ke hadapan ke Kitaran Kempen seterusnya.
15. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh CIMB sama ada mana-mana transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak boleh dicabar dalam apa cara sekalipun.

Pemilihan Pemenang

16. **Pemilihan Pemenang:**
 - a. **Hadiah Aluan:**
10,000 Peserta Layak pertama dalam setiap Kitaran Kempen yang memenuhi Kriteria Penyertaan Hadiah Aluan seperti yang dinyatakan pada **Klausula 9** di atas akan diisyiharkan sebagai Pemenang Hadiah Aluan (“**Pemenang Hadiah Aluan**”).
 - b. **Hadiah Ke-3:**
 - i. Pada penghujung setiap Kitaran Kempen, CIMB akan menyenarai pendek sebilangan Peserta Layak daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperolehi Penyertaan menurut **Klausula 10** untuk bertanding memenangi Hadiah Ke-3 (“**Pemenang Hadiah Ke-3 Berpotensi**”).
 - ii. Pemenang Hadiah Ke-3 Berpotensi yang nombor mudah alihnya didaftarkan dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas (“**SMS**”). Pemenang Hadiah Ke-3 Berpotensi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membala SMS tersebut dalam masa terpantas.
 - iii. Lapan Puluh (80) Pemenang Hadiah Ke-3 Berpotensi pertama yang membala SMS dalam masa terpantas dan dengan jawapan yang betul akan diisyiharkan sebagai Pemenang Hadiah Ke-3 (“**Pemenang Hadiah Ke-3**”).
 - iv. Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
 - v. Untuk mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak (termasuk caj perayaan yang ditanggung oleh Pemenang Hadiah Ke-3 Berpotensi yang tidak berada di Malaysia pada titik komunikasi) akibat daripada CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk perkara yang sama.
 - vi. Ia hendaklah merupakan tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami sekiranya nombor mudah alih Peserta Layak dalam rekod CIMB bukan terkini atau dikemas kini.
 - c. **Hadiah Ke-2:**
 - i. Pada penghujung setiap Kitaran Kempen, CIMB akan menyenarai pendek sebilangan Peserta Layak daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperolehi Penyertaan menurut **Klausula 10** untuk bertanding memenangi Hadiah Ke-2 (“**Pemenang Hadiah Ke-2 Berpotensi**”).
 - ii. Pemenang Hadiah Ke-2 Berpotensi yang nombor mudah alihnya didaftarkan dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas (“**SMS**”). Pemenang Hadiah Ke-2 Berpotensi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membala SMS tersebut dalam masa terpantas.

- iii. Tiga Puluh (30) Pemenang Hadiah Ke-2 Berpotensi pertama yang membalsas SMS dalam masa terpantas dan dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Ke-2 (“**Pemenang Hadiah Ke-2**”).
 - iv. Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
 - v. Untuk mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak (termasuk caj perayauan yang ditanggung oleh Pemenang Hadiah Ke-2 Berpotensi yang tidak berada di Malaysia pada titik komunikasi) akibat daripada CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk perkara yang sama.
 - vi. Ia hendaklah merupakan tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami sekiranya nombor mudah alih Peserta Layak dalam rekod CIMB bukan terkini atau dikemas kini.
- d. **Hadiyah Utama:**
- i. Pada penghujung setiap Kitaran Kempen, Peserta Layak yang telah memperolehi jumlah Penyertaan tertinggi untuk Kitaran Kempen tertentu akan disenarai pendek sebagai “**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**”.
 - ii. Lima (5) Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pertama daripada setiap Kitaran Kempen yang telah memperolehi jumlah Penyertaan tertinggi menurut **Klausula 10** akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama (“**Pemenang Hadiah Utama**”).
 - iii. Untuk mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi hendaklah ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama Berpotensi (termasuk apa-apa caj perayauan yang ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama Berpotensi di luar Malaysia) akibat daripada CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk perkara yang sama.
 - iv. Ia hendaklah merupakan tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami sekiranya nombor mudah alih Peserta Layak dalam rekod CIMB bukan terkini atau dikemas kini.
17. CIMB merizabkan hak untuk melucuthakkan Hadiah sekiranya hadiah tidak dituntut atau bilangan Pemenang terpilih tidak mencukupi selepas penamatkan Tempoh Kempen.

Pemenuhan

- 18. Pemenang Hadiah Aluan, Pemenang Hadiah Ke-3, Pemenang Hadiah Ke-2 dan Pemenang Hadiah Utama hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai “**Pemenang**”.
- 19. Walau apa pun yang terkandung di sini bertentangan, CIMB akan menerbitkan nama Pemenang dan nombor IC mereka (4 angka terakhir) melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my.
- 20. Dalam tempoh 12 minggu selepas Tempoh Kempen tamat (atau tempoh lain seperti yang dimaklumkan oleh CIMB), Pemenang akan menerima pemberitahuan melalui laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my dan/atau e-mel dan/atau SMS dan/atau Pemberitahuan Semerta dan/atau sebarang cara pemberitahuan lain, yang boleh dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya memaklumkan kepada mereka tentang kemenangan mereka, Hadiah yang dimenangi, dan sebarang arahan penebusan jika terpakai.
- 21. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Hadiah Aluan, Hadiah Ke-3, Hadiah Ke-2 dan Hadiah Utama akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang dalam dua belas (12) minggu selepas penamatkan Tempoh Kempen.
- 22. Pemenang mesti mempunyai Akaun Penyertaan yang sah dan aktif di Malaysia pada titik pemenuhan Hadiah. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Penyertaan yang telah ditamatkan/digantung/disekat atas apa-apa sebab sekalipun pada titik pemenuhan akan dianggap sebagai “*tidak aktif*” untuk tujuan Kempen ini, jika gagal, Hadiah yang diberikan kepada Pemenang tersebut akan dilucuthakkan. Sekiranya berlaku lucut hak, tiada Pemenang tambahan akan dipilih untuk tujuan Kempen ini.
- 23. Untuk mengelakkan keraguan semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau penebusan Hadiah, adalah tanggungjawab tunggal Pemenang.
- 24. Selain itu, Akaun Penyertaan Pemenang: (a) MESTI tidak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan/atau perjanjian yang mentadbir Akaun Penyertaan; DAN (b) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk

kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak Hadiah yang beliau layak akan dilucutahkan.

25. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) yang lain dan tidak boleh ditukar dengan Hadiah berbeza dengan nilai setara atau mana-mana alternatif lain. Di mana berkenaan, Hadiah hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan sah Peserta Layak dan pengkreditan Hadiah akan dicerminkan dalam penyata bulanan berikutnya untuk Akaun Penyertaan tersebut. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah ke mana-mana akaun CIMB beliau yang lain, atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan bank lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

26. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka: -
- dikehendaki untuk membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak kepada CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
- kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - kegagalan elektrik;
 - pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - apa-apa bencana alam ("Act of God") di luar kawalan CIMB; atau
 - apa-apa faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB.
27. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutahkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Hadiah: -
- Peserta Layak telah memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Penyertaan Peserta Layak;
 - Akaun Penyertaan Peserta Layak telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - Akaun Penyertaan Peserta Layak adalah delinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
28. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah: -
- mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
 - bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
29. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau mengantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalender kepada Peserta Layak melalui: -
- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB..

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

30. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos, atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada: -
- penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini; dan/atau
 - sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS atau eDM oleh Peserta Layak, melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
31. a. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (“**Pindaan**”) dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender kepada Peserta Layak melalui: -
- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b. Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat pada Peserta Layak dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- c. Sekiranya perubahan diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan (“**Peraturan**”) maka mereka akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
32. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
33. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada: -
- penyertaan dalam Kempen ini; dan/atau
 - penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah; dan/atau
 - kemungkinan atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, oleh Peserta Layak.
34. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini: -
- hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
35. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkenaan di mana CIMB tertakluk.
36. Jika CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak CIMB lain pada masa hadapan.
37. Peserta Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Kempen ini.

38. Jika produk/perkhidmatan berkaitan Kempen ini yang telah dilanggar oleh Peserta Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan Peserta Layak yang ada akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank, kebimbangan Peserta Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic Bank.
39. a. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“**CRU**”) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:

Alamat: Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon: +603 6204 7788
No. Faksimile: +603 2691 3248
E-mel: CRU@cimb.com

- b. Peserta Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan CIMB untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syaratnya di No. Telefon: +603 6204 7788 atau e-mel kepada cru@cimb.com.
- c. CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

[Tamat]